

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, August 7, 2017 3:10 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Naib Canselor Gesa Tingkatkan Jumlah Penyelidikan Dan Penerbitan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



7 OGOS 2017 / 14 ZULKAEDAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Seksyen Fotografi

NAIB CANSELOR GESA TINGKATKAN JUMLAH PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN



UUM ONLINE: "Jumlah penyelidikan dan penerbitan di Universiti Utara Malaysia (UUM) yang masih sangat rendah perlu ditingkatkan walaupun pelbagai insentif telah diberikan, namun jumlah

penyelidikan dan penerbitan yang dihasilkan masih sangat rendah berbanding bilangan pensyarah UUM yang seramai 1,119 orang,” kata Naib Canselor, Prof Dato’ Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Menurutnya, pada tahun lalu hanya 248 penyelidikan dihasilkan oleh 613 penyelidik ataupun 54.78%, manakala penerbitan pula hanya 67 orang pensyarah ataupun 6% yang menulis, di mana sebanyak 754 jurnal artikel telah diterbitkan.

Tegasnya, hal itu berlaku kerana budaya akademik dan keserjanaan masih belum kukuh. Kecintaan terhadap penyelidikan dan penerbitan di universiti juga masih belum menjadi satu norma.

“Inilah cabaran besar yang harus kita atasi, justeru ahli akademik perlu membudayakan dan meningkatkan kualiti penyelidikan dan pembangunan (R&D) selain daripada usaha memperteguhkan aktiviti penyelidikan dan inovasi sejajar dengan aspirasi yang ditetapkan dalam teras ketiga Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN).

“Setiap ahli akademik perlu menerbitkan sekurang-kurangnya satu artikel setiap tahun bagi meningkatkan lagi jumlah penerbitan di UUM,” ujarnya.

Naib Canselor berkata demikian pada Majlis Penghargaan Kepada Penerima Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) dan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) FASA 1/2017 di EDC-Hotels & Resorts, semalam.

Pada majlis itu beliau menyampaikan sijil penghargaan kepada 29 penyelidik yang telah berjaya memperoleh geran PRGS dan FRGS.

Daripada jumlah itu seramai 28 orang penyelidik menerima geran FRGS dengan jumlah dana keseluruhan berjumlah RM 1,574,831.40 dan seorang penyelidik menerima geran PRGS berjumlah RM32,860.

Hadir sama Penolong Naib Canselor UUM CAS, Prof Dr Huda Hj Ibrahim, Pengarah Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Prof. Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani dan pegawai-pegawai UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.